

22/05/2001

Tokoh korporat didakwa minta KWSP selamat syarikat

IPOH, Isnin - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mendakwa, beberapa tokoh korporat yang memiliki simpanan wang dan aset bernilai berbilion ringgit, meminta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyelamatkan syarikat mereka yang bermasalah.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata pihaknya mendapat maklumat, sekurang-kurangnya lima permohonan daripada tokoh korporat dikemukakan kepada KWSP untuk tujuan itu.

"Antara mereka ialah seorang yang memiliki aset bernilai lebih RM1 bilion tetapi masih mahu meminta bantuan KWSP," katanya kepada pemberita selepas makan malam MTUC Perak sempena sambutan Hari Pekerja 2001 di sini, malam tadi.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali. Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia, Belia dan Sukan negeri, Datuk Jamal Nasir Rasdi dan Pengerusi MTUC Perak, Muhd Fadzil Abdul Rashid.

Zainal yang juga Ahli Lembaga Pengarah KWSP tidak mendedahkan identiti lima tokoh korporat itu. Bagaimanapun, beliau sudah memaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu.

"Saya sudah memaklumkan kepada Perdana Menteri dan beliau sudah tahu siapa yang meminta bantuan KWSP untuk menyelamatkan syarikat bermasalah," katanya.

Beliau juga berkata, Dr Mahathir ada menghantar surat kepadanya memaklumkan bahawa caruman dalam KWSP tidak akan disalahgunakan.

Katanya, jawatankuasa pemantauan terhadap pengurusan kewangan KWSP yang akan ditubuhkan oleh MTUC tidak lama lagi akan turut mengkaji aduan membabitkan permohonan lima tokoh korporat itu.

Sementara itu, Zainal berkata, kira-kira 90,000 pekerja kilang elektronik di seluruh negara dijangka diberhentikan perkhidmatan akibat kelembapan ekonomi Amerika Syarikat menjelang akhir tahun ini.

"Ada beberapa syarikat multinasional dijangka memindahkan operasi ke negara lain bagi mengurangkan kos buruh," katanya

(END)